

**PM Britain Tiba Untuk Lawatan Rasmi Dua Hari**  
**Bernama**  
**12 April , 2012**

SEPANG, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Britain David Cameron tiba di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, untuk lawatan rasmi dua hari bermula Khamis.

Beliau yang tiba pada pukul 12.45 tengah hari disambut Timbalan Menteri Luar Senator A Kohilan Pillay serta Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Mahathir.

Lawatan Cameron ke Malaysia adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan merupakan lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia sejak memegang jawatan itu pada Mei 2010.

Lawatan itu dijangka dapat meningkatkan lagi momentum dan mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain.

Cameron dijadual menyampaikan ucapan pada Forum Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-Britain, mengadakan mesyuarat dua hala bersama Perdana Menteri bagi membincangkan kerjasama dalam pelbagai bidang kepentingan bersama, selain menghadiri program Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) di Universiti Nottingham Kampus Malaysia di Semenyih.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658535>